From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 3 August, 2022 9:03:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROJEK ANAK ALAM TERIMA ANUGERAH KHAS

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 OGOS 2022 / 5 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita oleh: Ahmad Faiz Jamal Abd Nazir
Gambar oleh: Wafa Elyana Ahmad Mahreez

PROJEK ANAK ALAM TERIMA ANUGERAH KHAS



UUM ONLINE – Projek Anak Alam hasil usaha pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapat pengiktirafan apabila mendapat Anugerah Khas Projek Komuniti dalam Program Keusahawanan "University to Community" yang telah diadakan pada 28 Julai 2022 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Projek di bawah seliaan Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) UUM itu merupakan misi memperkasakan masyarakat kurang berkemampuan di Pulau Tuba, Langkawi yang menghadapi masalah kewangan dan bergelut untuk memenuhi keperluan asas mereka setiap hari yang dilaksanakan pelajar dari universiti ini.

Selain anugerah khas tersebut, projek yang diwakili pelajar Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa, Wafa Elyana Ahmad Mahreez, pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti, Nurul Asyikin Md

Ismail, dan dua pelajar Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan, Alia Nadirah Mohamad Shadani, dan Muhammad Naim Ramlee ini turut mendapat tempat keempat bagi kategori Pameran Projek Keusahawanan Sosial Terbaik University to Community dan telah mendapat hadiah wang tunai berjumlah RM700.

Mengulas tentang projek berkenaan, Wafa Elyana selaku ketua kumpulan, matlamatnya adalah membantu keluarga-keluarga di Pulau Tuba meringankan beban kewangan mereka selain memperkasakan mereka agar dapat menggunakan kemahiran dan sumber yang ada di sekeliling.

“Matlamat ini dapat dicapai melalui perkongsian ilmu untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang kemahiran seperti pembuatan sabun buatan tangan dan juga kesedaran dalam pengurusan kewangan dalam menguruskan perniagaan”, tambahnya lagi.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.